

NO. SOALAN : 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[KINABATANGAN]**

**TARIKH : 1.11.2017**

**DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pasukan penguatkuasa pihak Kementerian dalam memantau serta mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga yang melakukan penipuan harga barang dalam pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** melalui **(Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014** bermula 1 Januari 2015 untuk menangani isu peningkatan harga dengan menggunakan alasan GST.

Sehubungan dengan itu, KPDNKK telah melaksanakan **OPS CATUT** dari 15 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2016 bertujuan mencegah dan mengambil tindakan tegas kepada peniaga yang mengambil kesempatan membuat keuntungan berlebihan berikutan pelaksanaan GST. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak **2.16 juta pemeriksaan** telah dijalankan di semua peringkat perniagaan di seluruh negara di mana sebanyak **4,644 Notis** di bawah **Seksyen 21 AKHAP 2011** telah dikeluarkan kepada peniaga bagi mendapatkan penjelasan serta justifikasi kenaikan harga atau caj kerana disyaki mencatut.

Sehingga kini, sebanyak **483 tindakan kes telah diambil** ke atas peniaga kerana **kesalahan mencatut dan kesalahan lain berkaitan pencatutan**. Sebanyak **54 kes telah didakwa** di Mahkamah, yang mana **51 kes telah disabit kesalahan** dengan jumlah keseluruhan denda **RM904,000**. Manakala, sebanyak **65 kes telah dikompaun** dengan jumlah keseluruhan kompaun **RM319,000**.

Pada 1 Januari 2017, KPDNKK telah meneruskan penguatkuasaan pencatutan melalui **Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi**

17

**Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016.** Sehingga kini, sebanyak **185 Notis Seksyen 21** telah dikeluarkan terhadap peniaga kerana disyaki mencatut.

Kementerian tidak akan berkompromi dan akan sentiasa bertindak tegas terhadap peniaga yang didapati menaikkan harga dengan tujuan membuat keuntungan berlebihan tanpa alasan dan justifikasi yang munasabah.